

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
(SIBU)**

**TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sistem temujanji yang dipakaiguna oleh JPJ dan PUSPAKOM telah mewujudkan banyak masalah seperti kebanyakan slot telah diambil oleh runners mengakibatkan orang ramai susah untuk mendapatkan slot itu. Terangkan cara untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sistem temujanji yang diguna pakai oleh Rakan Strategik JPJ, seperti PUSPAKOM dan Pos Malaysia, bagi melaksanakan perkhidmatan JPJ di kaunter premis masing-masing adalah disediakan oleh pihak tersebut secara sendiri dan berbeza dengan Sistem Temujanji dalam talian yang disediakan oleh pihak JPJ.

Sistem temujanji dalam talian JPJ yang dikenali sebagai JPJeQ, merupakan sistem berasaskan web yang telah digunakan secara *pilot* di JPJ Cawangan Putrajaya dan JPJ Negeri Melaka bermula 3 Ogos 2021 yang lepas. JPJeQ merupakan salah satu usaha penambahbaikan JPJ

## SOALAN NO : 32

terhadap perkhidmatan mendapatkan temujanji perkhidmatan kaunter yang sebelumnya dilaksanakan secara *Google Form*. Peluasan Sistem Temujanji JPJeQ ini telah dibuat ke semua negeri, bermula pada 16 Ogos 2021

Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu merupakan perkhidmatan yang mendapat permintaan yang tinggi dikalangan pelanggan. Sebagai usaha penambahbaikan berterusan, JPJ telah pun menyediakan perkhidmatan dalam talian bagi urusan pembaharuan LMM dan LKM, iaitu melalui Portal Awam JPJ. Pelanggan hanya perlu mencetak resit pembayaran dan boleh mendapatkan dokumen LKM/ LLM di mana-mana pejabat JPJ secara *walk-in*, tanpa perlu membuat temu janji.

Selain daripada itu, JPJ juga telah mengambil inisiatif dengan menambah waktu operasi harian termasuk Sabtu dan Ahad serta pelaksanaan pandu lalu (*drive thru*) menggunakan Kaunter Bergerak K1 JPJ.

Kerajaan juga telah melaksanakan inisiatif baharu dengan membenarkan urusan pembaharuan LKM bagi kenderaan persendirian dilakukan di 39 cawangan PUSPAKOM sebagai alternatif tambahan kepada rakyat, di samping perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan oleh Pos Malaysia Berhad dan MyEG, untuk meningkatkan saluran penyampaian perkhidmatan Kerajaan.